

D.R. 57/2007

RANG UNDANG-UNDANG  
SURUHANJAYA ADUAN KHAS 2007

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN Fasal

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN SURUHANJAYA ADUAN KHAS

3. Penubuhan Suruhanjaya
4. Keanggotaan Suruhanjaya
5. Tempoh jawatan
6. Elaun
7. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
8. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
9. Pengosongan jawatan
10. Perlindungan daripada liabiliti diri
11. Pemakaian Jadual
12. Perwakilan fungsi dan kuasa
13. Penubuhan jawatankuasa
14. Tanggungjawab agensi penguat kuasa

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

15. Fungsi dan kuasa Suruhanjaya

*Rang Undang-Undang*

## BAHAGIAN IV

## PENGURUSAN ADUAN OLEH SURUHANJAYA

## Fasal

16. Penentuan jenis aduan
17. Penyiataan permulaan
18. Laporan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan
19. Laporan oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan
20. Kewajipan untuk mengemukakan kertas siasatan oleh Pasukan Petugas
21. Penyiataan lanjut ke atas aduan oleh Pasukan Petugas
22. Suruhanjaya hendaklah merujuk kertas siasatan kepada Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib
23. Tindakan susulan oleh Suruhanjaya
24. Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu

## BAHAGIAN V

## PENTADBIRAN

25. Ketua Pegawai Eksekutif
26. Pelantikan kakitangan
27. Penubuhan Pasukan Petugas
28. Kuasa untuk mengambil khidmat perunding, penasihat teknik, dsb.

## BAHAGIAN VI

KUASA PENGUATKUASAAN SURUHANJAYA  
DAN PASUKAN PETUGAS

29. Kuasa penyiataan
30. Kad kuasa
31. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
32. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
33. Kuasa untuk memasuki premis
34. Penyitaan benda, dsb.
35. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan
36. Senarai benda yang disita
37. Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes
38. Pemeriksaan orang yang mengetahui kes
39. Pelepasan kenderaan, dsb., yang disita

BAHAGIAN VII

AM

Fasal

40. Dana
41. Laporan tahunan
42. Kewajipan kerahsiaan
43. Akses kepada dokumen terkelas
44. Perlindungan pemberi maklumat
45. Perlindungan pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya
46. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
47. Pekhidmat awam
48. Pemulaan dan penjalanan pendakwaan
49. Peraturan-peraturan
50. Pencegahan kesulitan atau anomali

JADUAL

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Suruhanjaya Aduan Khas, untuk menyatakan kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu, dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Aduan Khas 2007.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
- (3) Akta ini terpakai bagi aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya mengenai salah laku yang dilakukan oleh mana-mana pegawai penguat kuasa pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.
- (4) Akta ini tidak terpakai bagi aduan mengenai apa-apa kelakuan yang dilakukan di luar ruang lingkup tugas rasmi seseorang pegawai penguat kuasa sebagaimana yang diberikan oleh undang-undang.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

"agensi penguat kuasa" ertinya suatu badan atau agensi atau badan berkanun Persekutuan yang pada masa ini bertanggungjawab di Malaysia bagi penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan, pengesanan dan penyiasatan mana-mana kesalahan;

"badan berkanun" ertinya badan berkanun itu sendiri atau, jika undang-undang yang memperbadankan itu memperuntukkan bagi suatu lembaga, majlis atau jawatankuasa yang berasingan, dengan apa jua pun gelaran untuk menjalankan fungsi badan berkanun itu dan mempunyai tanggungan bagi pengurusan dan pentadbiran am badan berkanun itu, lembaga, majlis atau jawatankuasa itu;

"kenderaan" ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara atau apa-apa cara pengangkutan sama ada melalui udara, laut atau darat;

"Pasukan Petugas" ertinya Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 27;

"pegawai penguat kuasa" ertinya seseorang pegawai —

- (a) agensi penguat kuasa; atau
- (b) perkhidmatan bersama yang ditubuhkan di bawah Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan;

"premis" termasuklah rumah, bangunan, tanah, isemen bagi apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dibina atau tidak, sama ada aw am atau swasta, dan sama ada disenggarakan atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun;

"Pihak Berkuasa Tatatertib", berhubung dengan seseorang pegawai penguat kuasa dalam—

- (a) suatu Kementerian Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan tetapi tidak termasuk Majlis Angkatan Tentera yang ditubuhkan di bawah Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan;

- (b) suatu badan berkanun Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang ditubuhkan —
  - (i) di bawah undang-undang Persekutuan yang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatatertib, dan penganan surcaj ke atas, pegawai badan berkanun; atau
  - (ii) oleh mana-mana undang-undang yang suatu badan berkanun diperbadankan; atau
- (c) suatu perkhidmatan bersama menurut Perkara 133 Perlembagaan Persekutuan, ertinya Pihak Berkuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan;

"salah laku", berhubung dengan seseorang pegawai penguat kuasa, ertinya apa-apa penyalahgunaan kuasa dalam melaksanakan kewajipan rasminya sebagaimana yang diberikan oleh undang-undang;

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Aduan Khas yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN SURUHANJAYA ADUAN KHAS

#### **Penubuhan Suruhanjaya**

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan bagi maksud Akta ini suatu pertubuhan perbadanan yang dikenali sebagai Suruhanjaya Aduan Khas yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan yang boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya.

(2) Suruhanjaya boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih bagi tiap-tiap perihalan dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik, atau selainnya melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Suruhanjaya, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Keanggotaan Suruhanjaya**

4. (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri;
- (b) Ketua Polis Negara;
- (c) Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam;
- (d) Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah; dan
- (e) tiga anggota lain yang dilantik oleh Perdana Menteri.

(2) Pelantikan anggota Suruhanjaya hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

**Tempoh jawatan**

5. (1) Seseorang anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(a) dan (e) hendaklah memegang jawatan seiam tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

(2) Anggota Suruhanjaya itu adalah layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota itu boleh memegang jawatan bagi tempoh lebih daripada dua penggal berturut-turut.

**Elaun**

6. Anggota Suruhanjaya hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

**Penjalanan sementara fungsi Pengerusi**

7. (1) Perdana Menteri boleh melantik secara sementara mana-mana anggota Suruhanjaya untuk bertindak sebagai Pengerusi bagi tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak bertugas atau tidak berada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, bagi apa-apa sebab lain, tidak boleh melaksanakan fungsinya.

(2) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah, semasa tempoh dia melaksanakan fungsi sebagai Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

### **Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan**

8. (1) Pelantikan mana-mana anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(\)(a) atau (e) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Perdana Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(2) Seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 4(l)(a) atau (e) boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui notis bertulis yang ditujukan kepada Perdana Menteri.

### **Pengosongan jawatan**

9. Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya yang dilantik di bawah seksyen 4 hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan —
  - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Perdana Menteri;
- (f) peletakan jawatannya disetujui terima oleh Perdana Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Perdana Menteri.

**Perlindungan daripada liabiliti diri**

**10.** Tiada seorang pun anggota Suruhanjaya boleh menanggung liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam mentadbirkan hal ehwal Suruhanjaya, melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh sesuatu perbuatan salah atau peninggalan yang disengajakan pada pihaknya.

**Pemakaian Jadual**

**11.** (1) Jadual terpakai bagi anggota Suruhanjaya.

(2) Perdana Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

**Pewakilan fungsi dan kuasa**

**12.** (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat, batasan atau sekatan sebagaimana yang disifatkannya patut dikenakan, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) mana-mana anggota Suruhanjaya; atau
- (c) Pasukan Petugas.

(2) Mana-mana orang atau Pasukan Petugas yang diwakilkan fungsi dan kuasa sedemikian hendaklah menuruti dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan pada bila-bila masa mana-mana fungsi dan kuasa yang diwakilkan itu.

**Penubuhan jawatankuasa**

13. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) —

- (a) hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana anggota Suruhanjaya;
- (b) hendaklah menepati dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya; dan
- (c) boleh menentukan tatacaranya sendiri.

(3) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Suruhanjaya atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(4) Kecuali anggota jawatankuasa yang dilantik daripada kalangan anggota Suruhanjaya, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

(5) Anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak dilantik semula.

(6) Suruhanjaya boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(7) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa.

(8) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan jawatankuasa.

(9) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuaratnya pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(11) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Perdana Menteri.

### **Tanggungjawab agensi penguat kuasa**

**14.** Menjadi tanggungjawab tiap-tiap agensi penguat kuasa untuk bekerjasama dengan dan membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa Suruhanjaya di bawah Akta ini, sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya.

## BAHAGIAN III FUNGSI DAN KUASA

### SURUHANJAYA

#### **Fungsi dan kuasa Suruhanjaya**

**15.** (1) Fungsi Suruhanjaya adalah—

- (a) untuk menerima aduan daripada mana-mana orang berhubung dengan salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- (b) untuk merujuk aduan yang diterima daripada mana-mana orang berhubung dengan salah laku seseorang pegawai penguat kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguat kuasa yang berkenaan;
- (c) untuk menghendaki Pasukan Petugas menyiasat aduan salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- (d) untuk menilai penyiasatan Pasukan Petugas dan untuk menentukan sama ada salah laku yang dikatakan terhadap pegawai penguat kuasa itu adalah daripada jenis jenayah atau tatatertib;

- (e) untuk mengemukakan kertas siasatan dan dokumen lain yang berhubungan dengan salah laku kepada Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib untuk tindakan lanjut;
- (f) untuk menerima maklum balas atas tindakan yang diambil oleh Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib dan untuk memaklumkan pengadu mengenai status aduan itu; dan
- (g) untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang disifatkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa sebagaimana yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

#### BAHAGIAN IV

#### PENGURUSAN ADUAN OLEH SURUHANJAYA

##### **Penentuan jenis aduan**

**16.** (1) Suruhanjaya hendaklah menimbangkan apa-apa aduan yang dibuat oleh mana-mana orang, sama ada bertulis atau lisan, kepada Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya tidak boleh menimbangkan apa-apa aduan yang berhubungan dengan apa-apa salah laku yang dikatakan telah dilakukan oleh seseorang pegawai penguat kuasa yang —

- (a) merupakan hal perkara apa-apa prosiding tatatertib yang belum selesai di hadapan mana-mana Pihak Berkuasa Tatatertib, termasuklah apa-apa rayuan;
- (b) merupakan hal perkara apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah atau yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan;
- (c) telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah; atau
- (d) merupakan hal perkara penyiasatan oleh agensi penguat kuasa.

(3) Suruhanjaya hendaklah berhenti dengan serta-merta untuk menimbangkan apa-apa aduan yang dibuat menurut subseksyen (1) jika aduan itu menjadi hal perkara apa-apa penyiasatan oleh agensi penguat kuasa di bawah perenggan (2)(d).

(4) Jika suatu aduan telah dibuat oleh mana-mana orang kepada Suruhanjaya berhubung dengan salah laku seseorang pegawai penguat kuasa, Suruhanjaya hendaklah, jika berpuas hati bahawa tiada merit dalam aduan itu atau aduan itu adalah remeh atau menyusahkan, menolak aduan itu dan memberitahu pengadu secara bertulis tentang keputusannya.

(5) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa ada merit dalam aduan yang dibuat, aduan itu jika dibuat secara lisan, hendaklah diubah ke dalam bentuk bertulis dan Suruhanjaya hendaklah —

- (a) jika aduan itu mendedahkan salah laku daripada jenis tatatertib dan pada pendapat Suruhanjaya aduan itu boleh diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, merujuk aduan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk dimulakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi perlakuan dan tatatertib pegawai penguat kuasa itu;
- (b) jika aduan itu mendedahkan salah laku daripada jenis tatatertib tetapi pada pendapat Suruhanjaya aduan itu tidak patut diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, merujuk aduan itu kepada Pasukan Petugas untuk siasatan mengikut peruntukan Akta ini; atau
- (c) jika aduan itu mendedahkan salah laku daripada jenis jenayah, merujuk aduan itu kepada agensi penguat kuasa yang berkenaan untuk disiasat dan diuruskan oleh agensi penguat kuasa itu mengikut kuasa yang diberikan kepadanya di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(6) Bagi maksud perenggan (5)(a), Suruhanjaya hendaklah, pada masa aduan itu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, memaklumkan kepada pengadu secara bertulis mengenai rujukan itu.

(7) Bagi maksud perenggan (5)(c), Suruhanjaya hendaklah, pada masa aduan itu dirujuk kepada agensi penguat kuasa yang berkenaan, memaklumkan kepada pengadu secara bertulis mengenai rujukan itu dan meminta agensi penguat kuasa yang berkenaan berhubung dengan pengadu itu tentang perjalanan lanjut aduannya.

(8) Bagi maksud subseksyen (3), apabila penyiasatan yang disebut dalamnya selesai, Pendakwa Raya hendaklah menyampaikan keputusannya mengenai sama ada atau tidak untuk menuduh pegawai penguat kuasa berkenaan kepada Suruhanjaya, dan —

- (a) jika keputusan itu adalah untuk menuduh pegawai penguat kuasa itu, Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu dengan sewajarnya; atau
- (b) jika keputusan itu adalah untuk tidak menuduh pegawai penguat kuasa itu, Suruhanjaya hendaklah menimbang aduan itu mengikut subseksyen (4) atau perenggan (5)(a) atau (b).

### **Penyiasatan permulaan**

**17.** (1) Apabila diterima sesuatu aduan, Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa, jika difikirkannya perlu, untuk menjalankan penyiasatan permulaan bagi maksud membantu Suruhanjaya menentukan merit aduan itu.

(2) Apabila selesai penyiasatan permulaan yang dijalankan di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya boleh mengambil apa-apa tindakan di bawah seksyen 16.

### **Laporan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan**

**18.** (1) Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan yang kepadanya suatu aduan telah dirujuk oleh Suruhanjaya menurut perenggan *I6(5)(a)* hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai kemajuan prosiding tatatertib yang diambil olehnya secara bulanan sehingga selesai prosiding itu oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan itu.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan memberi penjelasan jika Suruhanjaya berpendapat bahawa kemajuan prosiding tatatertib yang diambil oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan tidak memuaskan.

(3) Keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya sebaik sahaja prosiding tatatertib itu diselesaikan, dan Suruhanjaya hendaklah kemudiannya menyampaikan secara bertulis keputusan itu kepada pengadu.

**Laporan oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan**

**19.** (1) Agensi penguat kuasa yang berkenaan yang kepadanya suatu aduan telah dirujuk oleh Suruhanjaya menurut perenggan 16(5)fcj hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Suruhanjaya mengenai kemajuan siasatannya secara bulanan sehingga selesai penyiasatan itu oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan itu.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki agensi penguat kuasa yang berkenaan memberi penjelasan jika Suruhanjaya berpendapat bahawa kemajuan siasatan yang dijalankan oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan tidak memuaskan.

(3) Apa-apa keputusan yang dibuat berdasarkan penyiasatan yang dijalankan oleh agensi penguat kuasa yang berkenaan hendaklah disampaikan kepada Suruhanjaya oleh agensi penguat kuasa itu sebaik sahaja keputusan dibuat, dan Suruhanjaya hendaklah kemudiannya menyampaikan secara bertulis keputusan itu kepada pengadu.

**Kewajipan untuk mengemukakan kertas siasatan oleh Pasukan Petugas**

**20.** Apabila selesai penyiasatan oleh Pasukan Petugas mengenai aduan yang disebut dalam perenggan 6(5)(b), Pasukan Petugas hendaklah mengemukakan kertas siasatan atau apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu kepada Suruhanjaya.

**Penyiasatan lanjut oleh Pasukan Petugas**

**21.** Jika Suruhanjaya—

- (a) tidak berpuas hati dengan penyiasatan itu;
- (b) berpendapat bahawa penyiasatan itu tidak lengkap; atau
- (c) menghendaki penjelasan lanjut mengenai isu tertentu berkenaan dengan penyiasatan itu,

Suruhanjaya boleh mengarahkan Pasukan Petugas untuk menjalankan penyiasatan lanjut mengenai aduan itu.

**Suruhanjaya hendaklah merujuk kertas siasatan kepada Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib**

**22.** Apabila diterima kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan daripada Pasukan Petugas menurut seksyen 20 atau 21 dan Suruhanjaya berpendapat bahawa penyiasatan itu mendedahkan bahawa terdapat suatu salah laku, Suruhanjaya hendaklah —

- (a) jika salah laku itu daripada jenis jenayah, mengemukakan kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu kepada Pendakwa Raya untuk mendapatkan suatu keputusan; atau
- (b) jika salah laku itu daripada jenis tatatertib, mengemukakan kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan untuk dimulakan apa-apa tindakan tatatertib mengikut peruntukan undang-undang yang terpakai bagi perlakuan dan tatatertib pegawai penguat kuasa itu.

**Tindakan susulan oleh Suruhanjaya**

**23.** (1) Jika kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan dirujuk kepada Pendakwa Raya di bawah perenggan 22(a), Pendakwa Raya hendaklah menyampaikan keputusannya, sama ada untuk menuduh pegawai penguat kuasa yang berkenaan atau tidak, kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu.

(2) Jika suatu pertuduhan dibuat oleh Pendakwa Raya, apa-apa keterangan yang diperoleh oleh Pasukan Petugas di bawah Akta ini boleh, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, digunakan bagi maksud prosiding jenayah itu.

(3) Jika kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib di bawah perenggan 22(b), Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan hendaklah memaklumkan keputusannya, sama ada untuk mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai

penguat kuasa yang berkenaan atau tidak, kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu.

### **Suruhanjaya hendaklah memaklumkan pengadu**

**24.** (1) Apabila selesai penyiasatan oleh Pasukan Petugas mengenai aduan yang dirujuk kepada di bawah perenggan 16(5)(&), jika Suruhanjaya berpendapat bahawa aduan itu tidak disahkan, Suruhanjaya hendaklah merekodkan keputusannya dan hendaklah memaklumkan pengadu.

(2) Jika Suruhanjaya telah merujuk kertas siasatan dan apa-apa dokumen lain yang berhubungan dengan penyiasatan itu kepada Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan, Suruhanjaya hendaklah menyampaikan keputusan Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan kepada pengadu.

## BAHAGIAN V

### PENTADBIRAN

#### **Ketua Pegawai Eksekutif**

**25.** (1) Suruhanjaya hendaklah melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am fungsi, aktiviti dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya dan pelaksanaan keputusan Suruhanjaya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi Setiausaha kepada Suruhanjaya.

(5) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan lanjut sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(6) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Suruhanjaya.

(7) Jika Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain untuk melaksanakan kewajipannya, Suruhanjaya boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain untuk melaksanakan kewajipannya semasa ketidakhadiran atau ketidakupayaan sementara itu.

### **Pelantikan kakitangan**

**26.** (1) Suruhanjaya boleh mengambil kerja atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar mana-mana pegawai dan pekhidmat sebagaimana yang perlu untuk membantu Suruhanjaya menunaikan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Perdana Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan terma dan syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmatnya.

### **Penubuhan Pasukan Petugas**

**27.** (1) Suruhanjaya hendaklah menubuhkan suatu Pasukan Petugas untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Suruhanjaya boleh melantik orang yang berikut sebagai anggota Pasukan Petugas:

- (a) pegawai Badan Pencegah Rasuah, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Jabatan Audit Negara, Pasukan Polis Diraja Malaysia dan pegawai lain daripada perkhidmatan awam Malaysia secara pinjaman kepada Suruhanjaya;
- (b) pegawai undang-undang yang dipinjamkan daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; dan
- (c) pegawai Suruhanjaya.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi ketua Pasukan Petugas.

(4) Anggota Pasukan Petugas hendaklah, tertakluk kepada arahan dan kawalan am Suruhanjaya, melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dikenakan ke atas mereka oleh Suruhanjaya, dan boleh menjalankan kuasa yang diberikan kepada mereka di bawah Akta ini.

**Kuasa untuk mengambil khidmat perunding, penasihat teknik, dsb.**

28. Suruhanjaya boleh mengambil khidmat pegawai penguat kuasa yang telah bersara atau bekas pegawai penguat kuasa, peguam bela dan peguam cara dan penasihat teknik termasuk jurubank, akauntan dan orang lain untuk membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya, menjalankan kuasanya atau menunaikan kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud Akta ini dengan lebih baik.

**BAHAGIAN VI**

**KUASA PENGUATKUASAAN SURUHANJAYA  
DAN PASUKAN PETUGAS**

**Kuasa penyiasatan**

29. (1) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku seseorang pegawai penguat kuasa yang dirujuk kepada Suruhanjaya.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud Akta ini, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota Pasukan Petugas hendaklah mempunyai segala kuasa pegawai polis daripada apa-apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*] dan kuasa itu adalah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukan pengurangan baginya.

**Kad kuasa**

**30.** (1) Maka hendaklah dikeluarkan kepada setiap anggota Pasukan Petugas yang dilantik di bawah seksyen 27 dan Ketua Pegawai Eksekutif, suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Suruhanjaya.

(2) Bilamana Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana anggota Pasukan Petugas menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini, dia hendaklah mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

**Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**31.** (1) Jika ternyata pada Majistret, atas maklumat bersumpah bertulis daripada seorang anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau seorang anggota Pasukan Petugas dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh Majistret, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk dipercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan bagi; atau
- (b) ada di dalam mana-mana premis keterangan yang perlu untuk menyiasat,

salah laku, Majistret itu boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana anggota Pasukan Petugas yang dinamakan dalamnya, pada bila-bila masa yang munasabah pada waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan, masuk ke dalam premis itu dan jika perlu dengan kekerasan.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk—

- (a) menggeledah premis itu, dan menyita atau mengalihkan dari premis itu apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai salah laku itu;
- (b) mengambil sampel apa-apa benda yang dijumpai dalam premis itu bagi maksud menentukan, melalui pengujian atau selainnya, sama ada salah laku itu telah dilakukan; dan

- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, dokumen atau barang lain yang dijumpai dalam premis itu.

(3) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang memasuki mana-mana premis di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan kelengkapan sebagaimana yang didapatinya perlu.

(4) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu untuk berbuat demikian —

- (a) memecah buka apa-apa pintu luar atau dalam premis atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu, untuk masuk ke dalam premis itu;
- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan dan pengalihan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melakukannya di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai dalam premis itu sehingga pengeledahan itu selesai.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**32.** Bilamana anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan berkemungkinan dijumpai di dalam atau di mana-mana tempat, premis, pada orang, atau kenderaan dan bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran di bawah seksyen 31 matlamat pengeledahan mungkin terkecewa, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan kekerasan sebagaimana yang perlu —

- (a) memasuki dan menggeledah tempat atau premis itu;
- (b) memberhentikan dan memeriksa orang atau kenderaan itu; dan
- (c) menyita apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang mungkin dijumpai dan boleh menjadi keterangan bagi salah laku itu.

**Kuasa untuk memasuki premis**

**33.** Walau apa pun seksyen 31 dan 32, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana anggota Pasukan Petugas boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain sebagaimana yang didapatinya perlu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas; atau
- (c) memungut sampel apa-apa benda yang berhubungan dengan salah laku itu.

**Penyitaan benda, dsb.**

**34.** Tanpa menjejaskan subseksyen 31(2) dan seksyen 32, apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang semunasabahnya disyaki oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas telah digunakan dalam salah laku itu boleh disita dan ditahan oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas.

**Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan**

**35.** (1) Jika anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana anggota Pasukan Petugas mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana kenderaan sedang membawa apa-apa peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang berkenaan dengannya suatu salah laku telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan memeriksa kenderaan itu dan boleh, jika atas pemeriksaan dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa kenderaan itu telah digunakan bagi salah laku itu, menyita kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang dijumpai dalam kenderaan itu yang dengan semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai salah laku itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas —

- (a) memberhentikan kenderaan itu dan membenarkan anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk memeriksanya; dan
- (b) membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan perjalanan pemeriksaan itu sebagaimana yang didapati perlu oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subsekyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

### **Senarai benda yang disita**

**36.** (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai tiap-tiap kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang disita dan tempat kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau apa-apa barang lain itu dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah dihantar serah dengan serta-merta kepada—

- (a) penghuni tempat atau premis yang kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang disita dijumpai; dan
- (b) orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu, jika penyitaan dibuat di bawah seksyen 35.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana tempat atau premis yang tidak dihuni, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas hendaklah bilamana mungkin menampalkan supaya mudah dilihat suatu senarai benda yang disita itu di tempat atau premis itu.

(4) Jika apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain disita selain dalam atau dari mana-mana tempat atau premis, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang membuat penyitaan itu hendaklah memberikan suatu notis secara bertulis mengenai penyitaan itu dan alasan penyitaan itu kepada pemunya kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang disita itu dengan menghantar serah suatu salinan notis itu kepada pemunya itu sendiri atau melalui pos ke tempat perniagaan atau kediamannya.

(5) Notis di bawah subseksyen (4) tidak perlu diberikan jika penyitaan itu dibuat dalam kehadiran atau dengan pengetahuan pemunya.

### **Kuasa untuk menghendaki kehadiran orang yang mengetahui kes**

**37.** (1) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh, melalui perintah secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang pada hemat anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas itu mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu supaya hadir di hadapannya, dan orang itu hendaklah hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian.

(2) Jika mana-mana orang enggan hadir sebagaimana yang dikehendaki sedemikian, anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas boleh melaporkan keengganan itu kepada seorang Majistret yang hendaklah mengeluarkan suatu saman untuk memastikan kehadiran orang itu sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1).

### **Pemeriksaan orang yang mengetahui kes**

**38.** (1) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas, tetapi orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(4) Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan —

- (a) selepas pernyataan itu dibaca kepadanya dalam bahasa yang pernyataan itu dibuat olehnya; dan
- (b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Pelepasan kenderaan, dsb., yang disita

**39.** Anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana anggota Pasukan Petugas yang diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa mengarahkan supaya apa-apa kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain yang disita di bawah Akta ini dilepaskan kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya kenderaan, peralatan, kelengkapan, buku, rekod, dokumen atau barang lain itu disita.

BAHAGIAN VII

AM

**Dana**

**40.** Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi secara tahunan kepada Suruhanjaya untuk membolehkan Suruhanjaya menunaikan fungsinya di bawah Akta ini.

**Laporan tahunan**

**41.** (1) Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah, tidak lewat daripada mesyuarat pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktiviti dalam tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu.

**Kewajipan kerahsiaan**

**42.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika diberi kuasa selainnya oleh Suruhanjaya—

(a) tiada anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota Pasukan Petugas dan pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya, dan mana-mana orang lain yang diguna khidmat oleh Suruhanjaya menurut seksyen 28, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehi olehnya semasa menjalankan tugasnya; dan

(b) tiada orang lain yang mempunyai apa-apa cara akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

### **Akses kepada dokumen terkelas**

**43.** Dalam menunaikan fungsi mereka di bawah Akta ini, akses kepada apa-apa dokumen yang berhubungan dengan rahsia rasmi oleh anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, anggota Pasukan Petugas, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya, dan mana-mana orang lain yang diambil khidmat oleh Suruhanjaya menurut seksyen 28 hendaklah tertakluk kepada kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kerahsiaan dokumen atau maklumat.

### **Perlindungan pemberi maklumat**

**44.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3), tiada saksi dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat pemberi maklumat atau isi maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, rekod atau dokumen yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam apa-apa prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat itu diketahui, mahkamah hendaklah menyebabkan supaya semua catatan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain, mahkamah selepas siasatan penuh tentang kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya adalah palsu atau tidak mempercayai sebagai benar, atau jika dalam

apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya, berkenaan dengan pemberi maklumat itu.

### **Perlindungan pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya**

**45.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding boleh dimulakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota Pasukan Petugas atau mana-mana pegawai atau pekhidmat lain Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian dengan syarat bahawa pada masa itu dia telah menjalankan fungsinya dengan suci hati.

### **Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948**

**46.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota Suruhanjaya atau Pasukan Petugas atau mana-mana pegawai atau pekhidmat lain Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian.

### **Pekhidmat awam**

**47.** Tiap-tiap anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana anggota Pasukan Petugas atau mana-mana pegawai atau pekhidmat lain Suruhanjaya, semasa menunaikan kewajibannya sebagai anggota, pegawai atau pekhidmat, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Pemulaan dan penjalanan pendakwaan**

**48.** Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

**Peraturan-peraturan**

49. Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Akta ini.

**Pencegahan kesulitan atau anomali**

50. (1) Perdana Menteri boleh, bilamana didapatinya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau mencegah anomali akibat pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan Akta ini sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Perdana Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, pengubahan, perubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

## JADUAL

[Seksyen 11]

**Mesyuarat**

1. (1) Suruhanjaya hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Notis bertulis sekurang-kurangnya empat belas had hendaklah diberikan kepada anggota.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Suruhanjaya.

(4) Kuorum Suruhanjaya ialah tiga orang termasuk Pengerusi.

(5) Tiap-tiap anggota Suruhanjaya yang hadir berhak kepada satu undi.

(6) Jika atas suatu persoalan untuk ditentukan oleh Suruhanjaya terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Jika pada mana-mana mesyuarat Suruhanjaya Pengerusi atau anggota yang menjalankan fungsi Pengerusi tidak hadir, anggota yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah memilih seorang daripada anggota mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

### **Suruhanjaya boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

2. Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Suruhanjaya bagi maksud menasihatinnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

### **Meterai perbadanan**

3. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mempunyai suatu tanda yang diluluskan oleh Suruhanjaya dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang didapati patut oleh Suruhanjaya.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan "Special Complaints Commission" atau "Suruhanjaya Aduan Khas" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Suruhanjaya.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai tersebut, yang disahkan sebagaimana yang disebut terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(4) Meterai perbadanan Suruhanjaya hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Penzahiran kepentingan**

4. Seseorang anggota Suruhanjaya yang mempunyai secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri, melalui anggota keluarganya atau melalui sekutunya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Suruhanjaya bercadang untuk membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Suruhanjaya hendaklah menzahirkan fakta dan jenis kepentingannya itu kepada Suruhanjaya, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Suruhanjaya dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa pertimbangtelitian atau keputusan Suruhanjaya yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

**Minit**

5. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Suruhanjaya hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa dibuktikan selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Kesahan perbuatan dan prosiding**

6. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) ada kekosongan dalam keanggotaan, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Suruhanjaya;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 4 oleh mana-mana anggota Suruhanjaya; atau
- (c) ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

**Tatacara**

7. Tertakluk kepada Akta ini, Suruhanjaya hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

**Anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya**

8. Tiap-tiap anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

**HURAIAN**

Akta Suruhanjaya Aduan Khas 2007 ("Akta") sebagaimana yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini mengandungi peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Aduan Khas, menyatakan kuasa dan fungsi Suruhanjaya itu, dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya. Rang Undang-Undang ini diperkenalkan hasil daripada syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia dan Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meliputi bukan sahaja pegawai polis tetapi semua pegawai penguat kuasa di peringkat Persekutuan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Perdana Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan. Akta ini hanya terpakai bagi salah laku yang dilakukan oleh mana-mana pegawai penguat kuasa pada atau selepas permulaan kuat kuasa Akta. Melalui *subfasal 4*, aduan mestilah berhubung dengan salah laku yang dilakukan semasa melaksanakan tugas rasminya.

*Fasal 2* mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubung dengan Suruhanjaya Aduan Khas ("Suruhanjaya").

*Fasal 3* dan *4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya dan keanggotaan Suruhanjaya.

*Fasal 5* mengandungi peruntukan tentang tempoh jawatan bagi anggota tertentu Suruhanjaya *manakala fasal 6* mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota Suruhanjaya.

*Fasal 7* menyatakan hal keadaan yang seseorang anggota Suruhanjaya boleh menjalankan fungsi Pengerusi.

*Fasal 8* adalah mengenai pembatalan pelantikan anggota tertentu Suruhanjaya dan peletakan jawatan mereka.

*Fasal 9* menyatakan hal keadaan apabila jawatan seseorang anggota Suruhanjaya menjadi kosong.

*Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan mana-mana anggota Suruhanjaya daripada menanggung liabiliti diri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam mentadbir hal ehwal Suruhanjaya, melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan salah atau peninggalan yang disengajakan oleh dirinya.

*Fasal 11* memperuntukkan tentang pemakaian Jadual bagi anggota Suruhanjaya.

*Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perwakilan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

*Fasal 13* bertujuan untuk membolehkan Suruhanjaya menubuhkan jawatankuasa untuk membantu dalam pelaksanaan fungsinya.

*Fasal 14* bertujuan untuk mengenakan kewajiban ke atas tiap-tiap agensi penguat kuasa untuk bekerjasama dan membantu Suruhanjaya dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta.

### BAHAGIAN III

4. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

*Fasal 15* memperkatakan tentang fungsi dan kuasa Suruhanjaya, yang termasuklah menerima aduan daripada mana-mana orang berhubung dengan salah laku pegawai penguat kuasa dan cara Suruhanjaya hendaklah mengendalikan aduan itu.

### BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan mengenai pengurusan aduan oleh Suruhanjaya.

*Fasal 16* mengandungi peruntukan tentang bagaimana Suruhanjaya menguruskan aduan yang diterimanya. *Subfasal (1)* menghendaki Suruhanjaya untuk menimbangkan apa-apa aduan yang dibuat kepadanya. *Subfasal (2)* dan (3) memperihalkan jenis aduan yang tidak boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya. Melalui *subfasal (3)*, Suruhanjaya dikehendaki untuk berhenti menimbangkan apa-apa aduan jika aduan itu menjadi hal perkara apa-apa penyiasatan. Menurut kuasa *subfasal (4)*, Suruhanjaya diberi kuasa untuk menolak sesuatu aduan yang remeh, menyusahkan dan tidak bermerit. *Subfasal (5)* memperuntukkan bahawa jika sesuatu aduan itu mempunyai merit, Suruhanjaya hendaklah, jika aduan itu mendedahkan salah laku bersifat tatatertib, merujuk aduan itu kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan bagi tindakan lanjut. Ini diperihalkan dalam perenggan (a). Perenggan (b) dan (c) menyatakan jenis salah laku yang boleh dirujuk kepada Pasukan Petugas Suruhanjaya dan kepada agensi penguat kuasa yang berkenaan. *Subfasal (6)* dan (7) menghendaki Suruhanjaya memaklumkan kepada pengadu tentang rujukan itu sama ada yang dibuat kepada Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguat kuasa yang berkenaan. Adalah jelas melalui peruntukan ini bahawa Suruhanjaya tidak boleh melibatkan diri dalam perkara-perkara yang sepatutnya diuruskan dengan wajar oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguat kuasa supaya tidak terhakis penjalanan kuasa yang diberikan kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis. *Subfasal (8)* memperuntukkan bahawa apabila penyiasatan yang disebut dalam *subfasal (3)* selesai, Pendakwa Raya mempunyai kewajiban untuk menyampaikan keputusannya mengenai penyiasatan itu kepada Suruhanjaya. Ia juga menjelaskan tindakan perlu yang dikehendaki diambil oleh Suruhanjaya berhubung dengannya.

*Fasal 17* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk menjalankan penyiasatan permulaan bagi maksud menentukan merit sesuatu aduan.

*Fasal 18* dan *19* mengenakan kewajiban ke atas Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguat kuasa yang kepadanya suatu aduan telah dirujuk oleh Suruhanjaya untuk mengemukakan laporan bulanan masing-masing tentang kemajuan prosiding tatatertib atau penyiasatan. Pihak Berkuasa Tatatertib atau agensi penguat kuasa boleh dikehendaki menjelaskan mengapa kemajuan prosiding tatatertib atau penyiasatan yang dijalankannya itu tidak memuaskan.

*Subfasal 18(3)* menghendaki Pihak Berkuasa Tatatertib memaklumkan Suruhanjaya tentang keputusan yang dibuat pada akhir prosiding tatatertib itu manakala *subfasal 19(3)* membuat kehendak yang serupa kepada agensi penguat kuasa. Walaupun pada hakikatnya Suruhanjaya tidak mempunyai kaitan dengan tatacara yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan perjalanan penyiasatan jenayah oleh agensi penguat kuasa itu, *fasal 18* dan *19* memastikan bahawa Suruhanjaya masih menjalankan pengawasan rapi ke atas Pihak Berkuasa Tatatertib dan agensi penguat kuasa dalam mengendalikan aduan daripada orang awam. Kehendak yang dikenakan sedemikian juga akan memastikan keberkesanan pemantauan aduan oleh Suruhanjaya.

*Fasal 20* menghendaki Pasukan Petugas mengemukakan kertas siasatan atau apa-apa dokumen lain kepada Suruhanjaya selepas selesai penyiasatan bagi tindakan seterusnya diambil menurut *fasal 22*.

*Fasal 21* menyatakan hal keadaan yang Suruhanjaya boleh mengarahkan Pasukan Petugas untuk menjalankan penyiasatan lanjut ke atas sesuatu aduan.

*Fasal 22* menyatakan tatacara yang hendaklah diikuti jika penyiasatan mendedahkan bahawa terdapat salah laku pada pihak pegawai penguat kuasa.

*Fasal 23* menghendaki Pendakwa Raya atau Pihak Berkuasa Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menyampaikan keputusannya kepada Suruhanjaya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan kertas siasatan.

*Fasal 24* mengenakan suatu kewajipan ke atas Suruhanjaya untuk memaklumkan pengadu mengenai keputusan Suruhanjaya jika aduan itu tidak disahkan berikutan suatu penyiasatan. Suruhanjaya hendaklah juga menyampaikan keputusan kepada pengadu selepas aduan itu telah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib atau Pendakwa Raya.

## BAHAGIAN V

6. Bahagian V Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan mengenai pentadbiran Suruhanjaya.

*Fasal 25* mengandungi peruntukan mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan menyatakan tanggungjawabnya.

*Fasal 26* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk melantik pegawai dan pekhidmatnya.

*Fasal 27* memperkatakan penubuhan Pasukan Petugas dan pelantikan anggotanya.

*Fasal 28* bertujuan untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengambil khidmat perunding, penasihat teknik, dll.

## BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan tentang kuasa penguatkuasaan Suruhanjaya dan Pasukan Petugas.

*Fasal 29* mengadakan peruntukan bagi kuasa Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota Pasukan Petugas untuk menyiasat apa-apa aduan salah laku.

*Fasal 30* memperuntukkan bahawa setiap anggota Pasukan Petugas dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah diberikan kad kuasa dan hendaklah mengemukakan kadnya apabila menjalankan kuasa di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 31, 32 dan 33* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kuasa penggeledahan dan penyitaan dengan waran, penggeledahan dan penyitaan tanpa waran dan kuasa anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk memasuki mana-mana premis masing-masing bagi maksud pemeriksaan, penentusahan dan pemungutan sampel.

*Fasal 34* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penyitaan benda, dsb.

*Fasal 35* mengadakan peruntukan bagi kuasa anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan.

*Fasal 36* bertujuan untuk mengenakan kewajipan ke atas anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk menyediakan senarai benda yang disita.

*Fasal 37* bertujuan untuk membenarkan anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas untuk mengarahkan kehadiran orang yang mengetahui fakta dan hal keadaan kes.

*Fasal 38* bertujuan untuk memberi anggota Suruhanjaya, Ketua Pegawai Eksekutif atau anggota Pasukan Petugas kuasa untuk memeriksa secara lisan mana-mana orang yang mengetahui fakta dan hal keadaan kes.

*Fasal 39* mengadakan peruntukan bagi pelepasan apa-apa benda yang disita di bawah Akta yang dicadangkan.

## BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan am.

*Fasal 40* memperkatakan dana Suruhanjaya.

*Fasal 41* menghendaki Suruhanjaya mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen.

*Fasal 42* melarang penzahiran maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal Suruhanjaya kecuali di bawah hal keadaan tertentu.

*Fasal 43* memperuntukkan bahawa Akta Rahsia Rasmi 1972 atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan kerahsiaan dokumen atau maklumat hendaklah terpakai bagi tiap-tiap orang apabila mengakses apa-apa dokumen terkelas di bawah Akta.

*Fasal 44* memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan perlindungan pemberi maklumat.

*Fasal 45* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan anggota, pegawai dan pekhidmat Suruhanjaya.

*Fasal 46* mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi Suruhanjaya dan pegawai atau pekhidmatnya.

*Fasal 47* memperuntukkan bahawa tiap-tiap anggota, pegawai atau pekhidmat Suruhanjaya hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan semasa menunaikan kewajipannya sedemikian.

*Fasal 48* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemulaan dan penjalanan pendakwaan.

*Fasal 49* bertujuan untuk memberi Perdana Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

*Fasal 50* memberi Perdana Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Akta.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2489]